

# Mohd Zain dilantik Pengerusi LTN

BH 16 DEC 2002

KOTA BHARU, Ahad - Ketua Umno bahagian Rantau Panjang, Mohd Zain Ismail, dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Tembakau Negara (LTN) yang baru berkuat kuasa 1 Disember lalu.

Pegawai Perhubungan Awam LTN, Ahmad Nordin Tahir, berkata pelantikan itu diumumkan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, bagi menggantikan Mohamed Ismail yang tamat tempoh jawatan.

Mohd Zain pernah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bukit Tuku dan terpilih sebagai Ketua Umno bahagian Rantau Panjang sejak 1995.

Beliau pernah bertugas sebagai Pegawai Tadbir Am, Ke-

tua Imigresen Rantau Panjang, Ketua Imigresen Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) Rantau Panjang dan Penolong Setiausaha Keselamatan Bahagian Keselamatan Negara, Terengganu.

Sementara itu, Mohd Zain mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Dr Lim kerana memberi kepercayaan kepadanya memikul tanggungjawab itu.

Katanya, tugas utama beliau ialah memastikan industri tembakau khususnya penanam, pengawet dan pengilang dapat meningkatkan usaha supaya sektor itu dapat berdaya saing dalam menghadapi Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta).